

***BOOTH* PSIKOLOGI PKPMP DI KOMPLEKS MAHKAMAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**



PUTRAJAYA, 18 JULAI 2024 - Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah membuka *booth* bertempat di Kompleks Mahkamah Negeri Sembilan. Seramai 32 orang Warga Mahkamah Seremban telah hadir ke *booth* berkenaan. Pelbagai aktiviti *booth* Psikologi telah dijalankan seperti Ujian-ujian Psikologi, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Tekanan Darah, Terapi Muzik, Terapi Mewarna dan Permainan Uji Minda (*IQ TEST*). Program ini telah berjaya dilaksanakan dan ia telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada Warga Mahkamah Seremban yang hadir pada hari itu.

BOOTH PSIKOLOGI PKPMP DI KOMPLEKS MAHKAMAH KOTA KINABALU, SABAH



PUTRAJAYA, 24 JULAI 2024 - Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah membuka *booth* bertempat di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 36 orang Warga Mahkamah Kota Kinabalu telah hadir ke *booth* berkenaan. Pelbagai aktiviti *booth* Psikologi telah dijalankan seperti Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, *Big Five Inventory*, Ujian Kemahiran Menangani Stres, Ujian Minda Sihat (*DASS*), Ujian Tekanan Darah, Terapi Muzik, Terapi Mewarna dan Permainan Uji Minda (*IQ TEST*). Program ini telah berjaya dilaksanakan dan ia telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada Warga Mahkamah Kota Kinabalu yang hadir pada hari itu.

